

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO HASBULLAH B. OSMAN (GERIK)

SOALAN

DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pelancong luar yang telah dihantar balik sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 dan berapa ramai mereka yang telah masuk ke Malaysia tetapi masih belum keluar sehingga kini terutamanya pelancong dari China.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan bermula pada 18 Mac 2020 bagi membendung penularan wabak Covid-19 di seluruh negara. Bagi tempoh pelaksanaan PKP tersebut, jumlah penghantaran pulang tahanan yang berada di Depot Tahanan Imigresen adalah seramai 5,951 orang.

Pada tahun 2020 iaitu dari 1 Januari 2020 sehingga 2 Julai 2020, sebanyak 4,301 operasi telah dijalankan dengan tangkapan terhadap seramai 17,473 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Daripada jumlah berkenaan, bilangan PATI warganegara China yang ditangkap ialah seramai 288 orang dan seramai 37 orang daripadanya melakukan kesalahan tinggal melebihi tempoh pas atau permit.